

Kerajaan Pahang ada hak ambil tindakan ke atas penceroboh

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - April 9, 2025 @ 10:03pm



Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Datuk Seri Saiful Edris Zainuddin.

Kerajaan Pahang ada hak ambil tindakan ke atas penceroboh

bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Operasi memusnahkan kebun durian Musang King oleh penguatkuasa kerajaan negeri di Sungai Ruan, Raub, semalam tidak terikat dengan mana-mana perintah mahkamah.

Ini ditegaskan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Datuk Seri Saiful Edris Zainuddin yang menolak sama sekali dakwaan pihak Save Musang King Alliance (SAMKA) yang mengatakan pihak kerajaan negeri telah melanggar perintah mahkamah.

Tegasnya, tidak berlaku sebarang pelanggaran perintah mahkamah berhubung tindakan menebang kira-kira 200 pokok durian Musang King berkenaan.

"Tak betul (dakwaan) itu... permohonan mereka di Mahkamah Tinggi sebelum ini ditolak dan telah dibawa ke mahkamah rayuan dan sekali lagi juga telah ditolak.

"Ini bermakna tanah berkenaan adalah tanah hak milik kerajaan dan bergantung sepenuhnya atas kerajaan negeri untuk mengambil tindakan bagaimana sekali pun," katanya, dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai masalah sekiranya pihak SAMKA mahu mengambil tindakan undang-undang berkaitan perkara terbabit.

Tanah berkenaan sememangnya tanah milik kerajaan negeri dan kerajaan negeri boleh mengambil sebarang tindakan yang sepatutnya ke atas pendudukan haram diatas tanah terbabit.

Saiful Edris berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai masalah sekiranya pihak SAMKA mahu mengambil tindakan undang-undang berkaitan perkara terbabit.

"Perlu kita jelaskan bahawa tanah berkenaan sememangnya tanah milik kerajaan negeri dan kerajaan negeri boleh mengambil tindakan yang sepatutnya ke atas pendudukan haram tanah terbabit.

"Mereka yang menduduki tanah itu secara haram langsung tidak ada hak ke atas tanah terbabit, kita tidak ada masalah dan sentiasa bersedia sekiranya pihak berkenaan mahu membawa perkara ini ke mahkamah," katanya.

Tersebar dalam sebuah portal hari ini berhubung dakwaan sekumpulan pekebun durian haram yang terbabit dalam pertikaian tanah dengan kerajaan Pahang mendakwa pihak kerajaan melanggar perintah mahkamah apabila menebang kira-kira 200 pokok durian Musang King.

SAMKA mendakwa anggota Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) bersama kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta polis telah masuk ke kebun durian di Sungai Ruan sekitar jam 11 pagi, semalam untuk menebang pokok berkenaan.

2 beruang Matahari masuk Kampung RTB 2 Sungai Panjang

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin - April 9, 2025 @ 2:48pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

SUNGAI BESAR: Penduduk Rancangan Tanah Belia (RTB) 2, Sungai Panjang, di sini dikejutkan dengan kehadiran dua beruang matahari di kawasan kebun berhampiran kediaman, kelmarin.

Kemunculan haiwan liar itu sempat dirakam dan tular di Facebook.

Bagaimanapun, hasil semakan di laman Facebook hari ini mendapati video itu sudah dipadam.

Pengarah PERHILITAN Selangor, Wan Mohd Adib Wan Mohd Yusoh berkata, pihaknya menjalankan siasatan selepas menerima aduan berhubung video tular itu.

"Berdasarkan temubual dengan penduduk, ini adalah kejadian pertama penampakan mamalia berkenaan di kawasan terbabit.

"Kita melakukan pemantauan di lokasi kejadian dan akan meneruskan rondaan berkala bagi memastikan keselamatan penduduk serta mengenal pasti sekiranya beruang tersebut masih berada di kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Sehubungan itu, Wan Mohd Adib mengingatkan orang ramai supaya tidak mendekati atau cuba menghalau hidupan liar secara bersendirian.

"Sekiranya berlaku penampakan haiwan liar seperti beruang, sila laporkan segera kepada kami untuk tindakan sewajarnya.

"Sebarang aduan dan maklumat berkaitan hidupan liar boleh disalurkan melalui talian 1-800-88-5151 atau laman web rasmi www.wildlife.gov.my," katanya.

Insiden letupan paip gas medan perbaiki SOP, pelan kecemasan

Oleh Datuk Dr Mohd Radzi Abd Latif - April 10, 2025 @ 10:30am



Kebakaran membabitkan saluran paip gas sepanjang 500 meter di stesen minyak di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights.

NSTP/ASYRAF HAMZAH

Kebakaran dan kerosakan harta benda akibat letupan paip bekalan gas di Putra Heights baru-baru ini meninggalkan kesan mendalam, sekali gus menimbulkan pelbagai iktibar dan persoalan.

Platform media sosial kini dihujani dengan teks dan video yang perlu diberi perhatian serius. Sebahagian daripadanya mampu membantu dalam siasatan serta memperbaiki langkah keselamatan sedia ada.

Namun, lebih penting adalah memastikan satu tindakan sistematik dan telus dilaksanakan untuk menguruskan kes pasca letupan ini, bebas daripada sebarang kepentingan tertentu dan paling penting berintegriti.

Satu daripadanya adalah proses membaik pulih paip yang harus dilakukan dengan penuh ketelitian meskipun ada tekanan kerana terdapat lebih 200 syarikat atau pelanggan terjejas operasi mereka.

Walaupun demikian, kerja baik pulih perlu mengikut spesifikasi, piawaian dan prosedur operasi standard (SOP) industri serta ciri keselamatan demi kepentingan semua pihak.

Mangsa bencana ini iaitu rakyat, industri serta pihak berkepentingan pada peringkat serantau dan antarabangsa tentunya menantikan kaedah siasatan dijalankan. Insiden ini bukan sahaja serius, tetapi sangat berkait rapat dengan kredibiliti sistem tadbir urus pihak terbabit.

Oleh itu, amat penting untuk memastikan hasil keputusan siasatan kelak dapat diterima semua pihak sebagai hasil kerja profesional dan berintegriti.

Letupan paip gas di Putra Heights harus diklasifikasikan sebagai kes berprofil tinggi, walaupun kita menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk mencari punca sebenar kejadian.

Namun, jelas insiden ini memberi kesan negatif kepada banyak pihak dan berpotensi menjaskannya banyak perkara. Oleh itu, siasatan perlu dilakukan dengan penuh ketelusan tanpa ada ruang untuk sebarang keraguan mengenai cara dan hasilnya.

Pada masa sama, mereka yang bertanggungjawab harus dikenakan hukuman setimpal dan memastikan tiada pihak boleh diri daripada tanggungjawab. Kebakaran paip gas ini pasti ada punca yang perlu disiasat.

Dicadangkan supaya siasatan ini tidak hanya dilihat sebagai satu proses pendakwaan. Sebaliknya, hasil siasatan perlu digunakan untuk merumuskan analisis dan set penyelesaian terbaik, termasuk menambah baik isu teknikal dan pencegahan supaya perkara sama dapat ditangani dengan lebih baik pada masa hadapan.

Siasatan ini seharusnya dijadikan satu testimoni dan iktibar sama ada untuk penggiat industri, sektor perundungan termasuk penggubalan prosedur baharu pada masa akan datang.

Selain itu, pengurusan pasca letupan yang membabitkan mangsa juga sangat kritikal. Perlu ada pihak tampil ke hadapan untuk mengurus dan memastikan hak penduduk terjejas dikembalikan.

Apakah hak dan tuntutan mereka perlu dibatasi dengan syarat seperti memiliki insurans? Jangan lupa nasib penduduk kampung berhampiran yang turut terjejas.

Penting untuk ada pihak memastikan pampasan dan ganti rugi akan diberikan kepada mangsa adalah setimpal dan adil.

Selanjutnya, jika ada penduduk berasa tidak lagi selamat untuk tinggal di kediaman mereka kerana trauma akibat kejadian itu, apakah mereka berhak menuntut untuk dipindahkan.

Jika tuntutan ini tidak dapat dipenuhi, bagaimana kita dapat meyakinkan mereka bahawa keselamatan mereka akan terjamin pada masa depan?

Isu keselamatan penduduk yang tinggal berhampiran jajaran paip gas yang terjejas adalah antara perkara penting diberi perhatian. Sejauh manakah jaminan keselamatan mereka. Mungkin perlu ada kajian semula mengenai jarak penampang sedia ada.

Laksana analisis forensik inklusif

Berdasarkan impak letupan, ada kemungkinan perlu ada penguatkuasaan zon penampang yang lebih realistik, bukan hanya di kawasan penempatan, tetapi juga di sepanjang jajaran gas Semenanjung.

Pemeriksaan lokasi kejadian untuk menilai impak serta kemusnahan juga amat penting sebagai panduan dan perancangan projek paip gas akan datang.

Sebagai kawasan berisiko tinggi, satu set kawalan dan jaminan keselamatan lebih ketat perlu diwujudkan untuk melindungi saluran paip gas nasional ini.

Oleh itu, pihak yang terbabit perlu menjalankan pemeriksaan menyeluruh di sepanjang jajaran paip gas untuk mengesan sebarang aktiviti berisiko seperti laluan kenderaan, kegiatan pertanian atau pencerobohan. Kerajaan juga perlu menyemak semula aktiviti yang perlu dilarang berhampiran jajaran paip gas.

Justeru, satu audit dan analisis forensik yang inklusif berdasarkan input daripada semua pihak perlu dilakukan. Audit ini bukan sekadar mencari punca ketirisan dan kelemahan, tetapi juga memperkasakan SOP serta mengemukakan langkah penambahbaikan melalui pendekatan lebih sistematik.

Ini bagi memastikan keselamatan penduduk di kawasan sekitar jajaran paip gas serta pencegahan bencana sama pada masa depan. Bagi jangka masa panjang, pemilik operator saluran paip dan pihak berkuasa perlu berganding bahu melaksanakan pemantauan berkala.

Teknologi canggih termasuk penggunaan dron boleh dimanfaatkan dalam pemantauan ini, terutama di kawasan yang sukar dicapai.

Strategi jangka panjang juga perlu dilaksanakan dengan membabitkan kerjasama antara pihak berkuasa, syarikat gas dan komuniti setempat yang berperanan sebagai mata dan telinga untuk keselamatan kawasan berkenaan.

Tidak mustahil juga untuk membina pagar sepanjang jajaran dan membina pos kawalan pada setiap jarak yang munasabah untuk memantau aktiviti keluar masuk zon berkenaan.

Syarikat pemilik paip gas pula seharusnya mempunyai sistem pengesahan kebocoran, namun mungkin perlu ditambah dengan sistem pengesahan pencerobohan kawasan untuk aktiviti tidak dibenarkan.

Kita harus mengkaji semula pelan tindak balas kecemasan yang ada untuk memastikan keberkesanannya. Ini membabitkan pelan pemulihan bencana, sistem membendung dan penutupan serta pasukan tindak balas bahan berbahaya.

Pihak terbabit juga perlu mengambil kira faktor bencana alam seperti gempa bumi, hakisan, banjir dan kebakaran dalam semakan ini.

Mengambil sisi positif daripada kejadian ini, semua pihak harus membuat semakan semula terhadap sistem, prosedur, etika, piawaian dan integriti yang ada.

Melindungi jajaran paip gas nasional kini memerlukan pendekatan lebih holistik, menggabungkan penyelesaian manusia dan teknologi, langkah keselamatan fizikal serta pelan kontingensi.

Tindakan susulan yang perlu selepas kejadian di Putra Heights adalah semakan dan pemantapan prosedur, peraturan serta akta berkaitan demi menjaga kredibiliti tadbir urus serta melindungi keselamatan orang ramai, termasuk industri.

Penulis adalah Pengasas Gagasan Profesional Melayu Malaysia